

# Disleksia Dalam Aspek Ejaan Bacaan Bahasa Melayu

ZALIZA ZUBIR<sup>a</sup>, MAHFUZAH MD DAUD<sup>b</sup>, & AHMAD HIFZURRAHMAN RIDZUAN<sup>c</sup>

<sup>a</sup> Centre for International Languages (CIL),  
Universiti Malaysia Perlis.  
zaliza@unimap.edu.my

<sup>b</sup> Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.  
mahfuzah@gmail.com

<sup>c</sup> Centre for International Languages (CIL),  
Universiti Malaysia Perlis.  
hifzurrahman@unimap.edu.my

**Abstrak**— Kesedaran masyarakat mengenai sindrom disleksia tidak begitu tinggi berikutan kurangnya pengetahuan mengenai sindrom ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat bertujuan memerhati dan memahami apa kelemahan yang dimiliki kanak-kanak disleksia. Kajian ini dilakukan untuk memerhati bentuk pembacaan disleksia berdasarkan Teori Levinson serta mengetahui latar belakang keluarga pelajar disleksia. Seramai empat orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Maluri, Cheras diuji sebagai sampel kajian untuk mendapat gambaran sebenar kanak-kanak disleksia. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan ujian pembacaan dengan menggunakan buku latihan disleksia sebagai alatan kajian. Disamping itu, pengkaji menggunakan cerita pendek kanak-kanak yang direka pengkaji untuk mengenal pasti kesalahan bacaan terutama dalam pembentukan suku kata. Hasil kajian mendapati kanak-kanak ini sukar membaca perkataan lebih dari dua suku kata dan sering menggugurkan satu perkataan dari kata ganda. Mereka juga gagal mengecam perbezaan fonem seperti /ba/-/ca/ dan /be/-/ca/. Ujian penulisan juga dibuat supaya pengkaji dapat mengecam persamaan kesalahan yang dibuat oleh kanak-kanak disleksia yang lain.

**Kata kunci:** sindrom disleksia, Teori Levinson, dan pembentukan suku kata

**Abstract**— The public awareness on dyslexia syndrome is quite low due to the lack of knowledge about this syndrome. This study is an attempt to observe and comprehend the weaknesses of dyslexic children. This study was carried out with the intention to observe the form of dyslexic reading based on the Levinson Theory and also to understand the family background of the dyslexic students. A total of four students from Sekolah Kebangsaan Taman Maluri, Cheras were tested in this study to get a clearer picture on dyslexic children. The study used interviews and reading test with dyslexia training book as the research tools. In addition, the researchers used children short stories which were specifically designed by the researchers to identify the reading errors, especially in the formation of syllables. The study found that these children are difficult to read words longer than two syllables and often drop a word from the plural forms (in Malay language). They also fail to recognize the difference phonemes like /ba / - / ca / and / be / - / ca /. Writing test was also carried out so that

the researchers could identify the common errors made by other dyslexic children.

## I. PENGENALAN

Masalah pembelajaran kanak-kanak disleksia seringkali kerap disalah erti oleh sesetengah masyarakat khususnya ibu bapa di luar bandar yang seolah-olah pasrah kepada takdir bahawa anak mereka dilahirkan sebagai insan tidak cerdas. Malah dalam kalangan ibu bapa sendiri ada yang menyalahkan antara satu sama lain apabila mengaitkan masalah disleksia yang dialami anak mereka berpunca daripada keturunan. Lebih menyedihkan apabila faktor disleksia juga dikaitkan dengan perbuatan sihir atau musibah yang diperturunkan kepada seseorang sehingga mendapat anak yang lembam otaknya.

Bagi sesetengah ibu bapa pula, guru akan dipersalahkan jika anak-anak mereka masih tidak boleh membaca biarpun usia mencecah sembilan tahun. Manakala bagi guru, mereka tentu menyangka bahawa murid yang gagal dalam pembelajaran adalah tergolong malas belajar. Hal ini kerana dari segi fizikal, anak-anak disleksia tidak menampakkan sebarang kecacatan justeru mereka dianggap murid normal. Ada juga dalam kalangan individu disleksia mengalami fenomena yang disebut '*mirror prints*' iaitu teks bacaan kelihatan terbalik seperti mana ia dibaca melalui cermin.

Kebiasaannya seorang kanak-kanak yang normal yang berumur sekitar 5 atau 6 tahun, apabila telah memasuki alam pra sekolah, mereka sudah mampu untuk membaca suku kata yang mudah, mampu mengikut arahan-arahan tertentu, mampu untuk membezakan bunyi-bunyian yang mudah seperti perbezaan bunyi loceng atau tepukan tangan serta apa jua perkara yang mampu dilakukan sebagai seorang kanak-kanak pra sekolah. Namun, jika seorang kanak-kanak itu tidak mampu untuk melakukan perkara-perkara tersebut, kemungkinan kanak-kanak tersebut menghidap disleksia.

Disleksia bukan merupakan satu penyakit tetapi merupakan salah satu gangguan pembelajaran yang biasanya

dialami oleh kanak-kanak. Sebenarnya perkataan disleksia diperkenalkan oleh Professor Rudolf Berlin, seorang pakar perubatan dan optalmotologist pada tahun 1887 (Hammond and Hughes, 1993:3). Perkataan 'dyslexia' ini berasal daripada dua perkataan Greek, iaitu 'dys' yang membawa makna 'kesukaran' dan 'lexia' yang bermakna perkataan. Ini membawa maksud bahawa 'sukar untuk menggunakan leksikon atau perkataan' (Newton & Thomas, 1974: 6). Newton et al., juga telah memperluaskan lagi definisi 'dyslexia' sebagai kecelaruan berbahasa di kalangan murid yang telah mengalami pembelajaran dalam kelas biasa tetapi gagal untuk memperoleh kemahiran membaca, menulis, atau mengeja separa dengan kebolehan intelektual yang ada pada mereka. (Newton, et., 1979 : 3).

Kanak-kanak yang menghidap disleksia belajar mengikut tahap dan rentaknya yang tersendiri. Mereka seringkali merasa ketinggalan dalam leksikal kerana masyarakat sering mengaitkan kelancaran membaca dan menulis dengan kepintaran seseorang murid. Kanak-kanak disleksia yang mempunyai masalah membaca dan menulis juga sesetengahnya dianggap murid-murid yang lemah tanpa mengambil kira faktor bahawa murid-murid tersebut mempunyai kecerdasan otak yang tinggi.

Kanak-kanak yang mengalami ciri-ciri disleksia ini lazimnya mempunyai kesukaran khusus dalam membaca, menulis dan mengeja. Mereka mempunyai kemahiran membaca yang rendah, sering kali membaca atau menulis perkataan dan huruf mengikut susunan terbalik, dan menyongsangkan perkataan atau huruf sewaktu bertutur. Mereka juga dikatakan mempunyai pemahaman lisan yang rendah, suka membaca senyap, dan mempunyai tulisan yang buruk. Malah kesukaran ini termasuklah masalah yang serupa dalam kerja nombor dan mengenali simbol-simbol nota muzik atau tanda matematik. Mereka mengalami kesukaran memadankan bunyi dengan simbol. Kanak-kanak disleksia akan menggugurkan suku kata tertentu bagi perkataan yang banyak suku kata.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kajian yang dijalankan didapati murid-murid disleksia adalah lambat dalam ujian padanan pasangan huruf. Hal ini menunjukkan bahawa mereka agak lambat untuk menguasai kod lisan. Kesukaran ini dikesan apabila mereka menggunakan kod lisan atau nama. Malahan, murid-murid disleksia juga mempunyai kesukaran untuk membunyikan perkataan yang mempunyai banyak suku kata. Pada kebiasaannya, perkataan yang diucapkan oleh murid-murid ini harus diproses dan dibahagikan bagi membentuk satu program motor-artikulasi. Murid-murid ini yang tidak dapat menyebut perkataan dengan betul pasti mengalami masalah dalam membuat pembahagian dalam membuat pembahagian fonem pada peringkat fonemik.

### III. Objektif Kajian

- i) Untuk mengenal pasti latar belakang keluarga kanak-kanak disleksia.
- ii) Untuk menganalisis kesalahan ejaan melalui Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan mengaitkan kesalahan tersebut berdasarkan Teori Levinson, 1994.

## III. SOROTAN KAJIAN

### Kajian Dalam Negara

Menurut En. Sandiyao Sebastian, Pensyarah Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1993 menganggarkan antara 3- 5 % daripada kanak-kanak yang bersekolah menghadapi masalah disleksia dikategorikan mempunyai kepintaran yang normal. Menurut beliau, "mereka ini hanya mempunyai kesukaran sama ada dari segi membaca, menulis atau mempelajari bahasa-bahasa lain, membuat kira-kira atau mengingat sesuatu secara keseluruhan. Mereka hanya mengingat sebahagian sahaja". Tambah beliau lagi, jika membaca, mereka tidak dapat membaca dengan lancar, melangkaui baris-baris ayat ataupun salah menyebut sesuatu perkataan itu kerana melihat huruf-huruf itu dalam bentuk yang berbeza.

Suatu kertas kerja yang telah dijalankan oleh J.P Gupta (1993) telah mengulas lanjut mengenai kajian yang dilakukan secara normal dan klinikal tentang disleksia di Malaysia. Dalam kertas kerja ini beliau telah menerangkan tentang tahap pesakit bagi kes-kes sebegini di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. Beliau juga mengetengahkan peranan sistem pendidikan dan mencadangkan beberapa langkah konkrit yang harus diambil dalam menangani disleksia. Kelaziman bagi disleksia berbeza mengikut negara dan bahasa. Disleksia boleh menjadi kurang dari 1% dan setinggi melebihi 25%. Di Malaysia dianggarkan terdapat 2 juta kes penghidap disleksia. Bilangan ini dilihat bukanlah sedikit dan ianya dilihat begitu membimbangkan.

Manakala berdasarkan kajian Vijayaletchumy a/p Subramaniam pada tahun 2003 menunjukkan terdapat dua jenis disleksia dalam aspek bacaan bahasa Melayu, iaitu disleksia visual dan disleksia auditori. Dapatan kajian juga memaparkan kebolehan murid-murid disleksia mempelajari bahasa dan membaca mengikut jenisnya.

Kajian oleh Mohd Anuar Abdullah (2001) terhadap pengetahuan guru-guru pendidikan pemulihan khas mengenai masalah disleksia di daerah Hilir Perak pula, terdapat ramai responden guru yang menyatakan bahawa ramai murid mereka memiliki masalah yang berkaitan dengan pembacaan yang membabitkan kesukaran pengulangan ayat dan perkataan. Manakala mengikut beberapa orang guru lain, masalah pembelajaran murid pemulihan mereka mempunyai kaitan dengan masalah mengenal perkataan secara visual atau auditori. Ini menyebabkan mereka sukar untuk menyebut sesuatu perkataan yang dilihat atau didengar.

### Kajian Luar Negara

De Fries (1991), cuba menghuraikan hubungan disleksia dengan aspek bacaan. Beliau berpendapat bahawa terdapat 4 elemen berbahasa iaitu pengalaman, mendengar, menulis dan bertutur. Elemen berbahasa terbahagi kepada 2 peringkat iaitu peringkat asas bagi pengalaman dan peringkat yang perlu dikuasai.

Disleksia yang melibatkan kesukaran membaca akan memberi kesan kepada beberapa aspek yang terkandung dalam

pembacaan. Sewaktu membaca seseorang akan menggunakan penglihatan, persepsi, pengecaman, pemahaman, dan reaksi. Penghidap disleksia akan mengalami kesukaran untuk melakukan perkara tersebut. Ini akan menunjukkan daerah kelemahan utama penghidap disleksia dalam aspek:-

- 1) Membuat diskriminasi fonem
- 2) Kelemahan lisan.

Mengikut kajian beliau, terdapat 3 aspek penting dalam mendiskriminasi fonem. Antaranya ialah bunyi, persepsi fonem dan juga persepsi pertuturan. Peringkat bunyi adalah satu peringkat yang paling asas. Permasalahan yang terdapat pada peringkat ini, ialah kesukaran untuk memecahkan rangsangan auditori (linguistik dan bukan linguistik) yang berbeza. Sebahagian daripada kelemahan ini jelas dilihat pada konsonan tertutup. Hal ini disebabkan oleh formasi yang kerap dalam bunyi di telinga. Kelemahan pada peringkat yang asas ini akan mengganggu pelbagai kemahiran fonologi yang diperlukan untuk membaca dan mengeja.

Drake (1989) pula menyatakan bahawa masalah disleksia dirujuk kepada beberapa ciri, antaranya: kesukaran belajar berbahasa, ketidakseimbangan dan kebolehan intelektual, tidak lancar membaca sesuatu bahan bercetak, tidak dapat menuliskan dengan lancar dan tepat (kesukaran meniru tulisan dari papan hitam atau buku), mata menjadi penat setelah beberapa minit menumpu pada tulisan, dan tumpuan yang terhad (pendengaran dan pengamatan visual).

Kanak-kanak disleksia sering ditemui mempunyai masalah dalam bacaan akibatnya akan ditempatkan bagi mengikuti pendidikan di Kelas Pemulihan Khas atau Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Disleksia ialah kesukaran atau ketidakupayaan menguasai kemahiran membaca oleh seseorang individu walaupun telah menerima pendidikan yang mencukupi (Mercer 1997 & Smith 1999).

### **Teori Kajian**

Kajian ini menggunakan Teori Sindrom Levinson, 1994 yang diutarakan oleh Levinson. Mengikut Levinson, terdapat disleksia dalam bacaan, disleksia dalam tulisan, dan disleksia dalam aritmetik. Sindrom disleksia dalam bacaan menunjukkan murid-murid disleksia tidak dapat mengimbangi daya mengingat huruf dengan perkataan, sama ada secara visual atau fonetik. Oleh itu, murid-murid disleksia cuba mengingati bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan berulang kali kerana mereka mudah lupa. Untuk mengatasi kelemahan ini, kebanyakan murid disleksia membuat bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan supaya kelemahan mereka tidak dapat dikesan oleh guru sehinggalah beberapa tahun kemudian. Contoh ketidakseimbangan daya mengingat huruf dengan perkataan secara visual atau fonetik jelas bagi huruf b dan d, seperti was dengan saw, on dengan no, dan god dengan dog.

Semasa murid-murid disleksia sedang membaca, berlaku penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf-huruf. Mata murid-murid disleksia tidak dapat mengimbas huruf, kata, dan ayat yang berlainan. Oleh sebab mata sukar mengimbas bahan bacaan, maka huruf, kata, dan ayat

dilangkau-langkau. Hal ini mengakibatkan tumpuan dan pemahaman yang lemah terhadap bahan bacaan. Oleh itu, murid-murid disleksia tidak dapat memahami bahan bacaan yang sedang dibaca kerana apa yang diimbas oleh mata dilihat bertaburan di sana sini.

Akibat kesukaran pengimbasan oleh mata, huruf-huruf yang kecil sering kali dilangkau, seolah-olah memperlihatkan bahawa huruf-huruf kecil sukar dikenali berbanding huruf yang lebih besar. Selain itu, huruf-huruf dalam suku kata dan segmen perkataan sering kali dilangkau dan mengakibatkan kesalahan seperti P untuk O atau I, T untuk I, read untuk red, dan us untuk bus. Perbuatan ini menghasilkan paduan atau kesalahan penukaran perkataan. Murid-murid disleksia mungkin melihat the cat atau good boy tetapi membaca that dan go by. Dengan menyemak kesalahan yang berlaku dan mekanisme yang terhasil sewaktu murid-murid disleksia membaca ayat "the cat jumped over the moon," kita mendapat pemahaman yang jelas tentang cara menganalisis bacaan murid-murid disleksia. Seterusnya, kita dapat memahami secara mendalam mekanisme yang menyebabkan kesalahan bacaan dalam kalangan murid tersebut.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Taman Maluri (SKTM), Jalan Wirawati 6, Taman Maluri, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kaedah kajian ini ialah kajian kes yang memanipulasikan keseluruhan populasi. Kajian ini melibatkan murid tahun 2 dan tahun 3 daripada program khas disleksia. Jangka masa kajian adalah selama sejam, iaitu bermula jam 10.30 pagi hingga 11.30 pagi. Fokus kajian ini ialah tentang pembelajaran bahasa dalam menganalisis kesalahan ejaan yang hanya melibatkan murid-murid disleksia jenis auditori dan visual.

Bagi murid disleksia jenis visual, pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan ditumpukan kepada masalah mengenal huruf dan membaca huruf dengan cara terbalik. Manakala bagi murid disleksia jenis auditori pula, pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan yang akan ditumpukan kepada masalah mengeja perkataan dengan betul tetapi sebutan lain dan terdapat penggantian huruf dalam bacaan.

### **Sampel Kajian**

Empat orang murid daripada program khas telah dipilih sebagai subjek kajian, iaitu dua orang daripada tahun 2 dan dua lagi dari tahun 3. Untuk tujuan kerahsiaan, nama sebenar murid digantikan dengan nama samaran. Empat orang murid ini telah dicalonkan oleh guru masing-masing kerana mereka sememangnya telah dikenalpasti sebagai kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran iaitu dalam aspek bacaan dan juga dikenalpasti sebagai kanak-kanak disleksia.

#### IV. KAEDAH KAJIAN

##### **Kaedah Perpustakaan**

Kaedah perpustakaan ini adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat daripada pengkajian-pengkajian terdahulu, data-data dan pendapat-pendapat yang sahih. Maklumat-maklumat ini diperolehi daripada bahan-bahan seperti buku-buku rujukan, jurnal-jurnal, kertas-kertas kerja dari pengkaji-pengkaji lepas, dan artikel-artikel dan melayari internet adalah bahan utama yang digunakan dalam menjalankan kajian ini di perpustakaan. Kaedah ini dijalankan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia (UPM).

##### **Kaedah Pemerhatian Terkawal**

Penyelidik menjadi pemerhati dan melihat sendiri aktiviti pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur. Pemerhatian terkawal digunakan untuk mengumpul data dan jenis respon dikawal secara langsung oleh penyelidik. Individu yang dikaji pula akan memberi gerakbalas terhadap bahan-bahan bertulis seperti ujian JWST dan bahan rencana seperti dalam ujian JOST.

##### **Kaedah Temu Bual**

Penyelidik menemu bual sendiri responden yang dipilih dan guru mengenai masalah dan tingkah laku murid-murid disleksia tersebut.

#### V. ALAT KAJIAN

##### **Borang Soal selidik**

Soal selidik ini digunakan untuk mengumpul maklumat awal tentang latar belakang murid-murid yang dipilih menjadi sampel kajian. Maklumat murid diambil dari maklum balas guru kelas dan murid itu sendiri.

##### **Buku latihan**

Buku latihan adalah buku yang digunakan oleh murid berkenaan untuk membuat latihan. Buku latihan murid ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui tahap penguasaan murid-murid berkenaan pembelajaran bahasa iaitu dari segi ejaan, sebutan dan membina ayat dan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh murid berkenaan.

##### **Pita rakaman**

Pita rakaman digunakan untuk merakam cara penyebutan setiap suku kata murid-murid semasa ujian membaca dilakukan.

##### **Ujian Diagnostik**

Tujuan ujian ini diberi adalah untuk membolehkan penyelidik mendapatkan data khusus tentang kelemahan dan kekuatan murid dalam kemahiran membaca. Biasanya skop ujian Diagnostik meliputi kemahiran-kemahiran iaitu kemahiran membaca, mengeja dan mengira. Biasanya pengkaji akan menjalankan ujian ini bagi mengetahui kelemahan yang dihadapi, mengulas kesalahan serta membentuk satu hipotesis berhubung dengan masalah murid.

##### **Penganalisan Data**

Setelah semua maklumat dan data dikumpul, penganalisan data dilakukan adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan deskriptif. Hasil daripada ujian yang dilakukan, maka akan dibuat kesimpulan tentang tahap bacaan murid dan ulasan mengenai kekuatan dan kelemahan mereka dalam aspek bacaan bahasa Melayu.

#### VI. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

##### **Objektif 1 : Untuk mengenal pasti latar belakang keluarga kanak-kanak disleksia.**

Daripada keseluruhan pelajar yang mengalami masalah disleksia di sekolah tersebut, hanya empat orang pelajar sahaja yang dicalonkan oleh guru di dalam kajian ini. Mereka ini terdiri sebagai pelajar yang mempunyai masalah membaca yang benar-benar menunjukkan bacaan yang teruk. Oleh sebab itulah, hanya empat orang responden ini dipilih sebagai kajian kerana mempunyai ciri masalah membaca yang dikaitkan dengan disleksia. Pelajar-pelajar tersebut yang tercalon dalam subjek kajian ini dilabelkan sebagai Subjek A, Subjek B, Subjek C dan Subjek D.

Subjek A yang berbangsa Cina kacukan Cina dan Serani ini berumur 9 tahun. Bapanya bekerja dalam industri permotoran manakala ibunya tidak bekerja. Subjek A datang dari keluarga yang tinggi pendapatannya berdasarkan apa yang diceritakan oleh subjek. Subjek sering menceritakan perkara-perkara yang mempunyai material tinggi seperti bapanya bermain golf, subjek pernah menonton perlumbaan formula 1 serta mengikuti kelas piano. Maklumat dari pihak guru pula, subjek A datang dari keluarga berpendapatan tinggi.

Subjek B, Bapanya bekerja dalam industri perfileman dan ibunya merupakan seorang guru dan ini memperlihatkan ekonomi keluarganya berada dalam keadaan kukuh. Melalui temubual yang dijalankan terhadap subjek, pengkaji mendapati ibu subjek juga merupakan guru di sekolah di mana tempat subjek belajar iaitu di Sekolah Kebangsaan Taman Maluri. Ibunya masih lagi mengikuti perkembangan pembelajaran subjek dan mengetahui tahap pencapaian subjek melalui gurunya. Melalui perbualan subjek lagi, pada waktu lapang, bapanya akan membawa subjek dan adik beradiknya yang lain untuk menunggang kuda. Keadaan ini tidak memperlihatkan situasi di mana subjek merasa tersisih dan sekaligus memberi kesan yang baik kepada subjek yang menghidap disleksia.

Subjek C merupakan murid lelaki tahun tiga yang berumur 9 tahun. Nama beliau ialah Azhad. Subjek C ini tidak memberitahu nama bapa beliau apabila ditanya. Subjek juga didapati tidak tahu nama ibu beliau. Subjek merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik. Beliau mempunyai seorang kakak dan juga seorang abang. Pekerjaan kedua-dua ibu bapa subjek ialah peniaga. Manakala bahasa pengantar yang digunakan di rumah ialah bahasa Melayu. Hasil daripada pemerhatian pengkaji terhadap subjek C ini, didapati bahawa beliau merupakan seorang pelajar yang pendiam. Beliau hanya melakukan sesuatu apabila disuruh sahaja. Beliau sering kali sukar untuk memahami dan mengingati arahan daripada

pengkaji. Beliau juga banyak mendiamkan diri ketika ujian membaca dilakukan keatas beliau. Subjek juga didapati lambat untuk membaca apabila disuruh oleh pengkaji. Hal ini adalah bersesuaian dengan ciri-ciri umum disleksia yang ada pada subjek. Ketika membaca juga menggunakan jari untuk membaca sesuatu perkataan.

Subjek D merupakan seorang murid darjah 3 di Sekolah Kebangsaan Maluri, Taman Maluri, Kuala Lumpur. Subjek D merupakan seorang pelajar berketurunan Cina yang telah dikelaskan sebagai pelajar yang mengalami masalah disleksia. Beliau didapati lambat untuk menyebut sesuatu perkataan yang mana mungkin jarang ditemuinya dalam pembelajaran seharian. Subjek D dilahirkan pada 4 Disember 2001. Pelajar ini tinggal di kawasan bandar iaitu Taman Sungai Besi dan merupakan anak kedua daripada dua adik beradik. Pekerjaan ibu bapa pelajar ini tidak dinyatakan dengan jelas, walau bagaimanapun pelajar menyatakan ibu bapanya berkerja sendiri. Subjek banyak menggunakan bahasa Inggeris apabila ditanya tentang sesuatu dalam temuramah berkenaan. Subjek D juga banyak menerima pengaruh bahasa Inggeris dalam penulisan dan perbualannya seharian.

### **Menganalisis kesalahan ejaan melalui Ujian Diagnostik Bahasa Melayu dan mengaitkan kesalahan tersebut berdasarkan Teori Levinson, 1994.**

Objektif 2 dapat dicapai dengan menggunakan ujian diagnostik. Ini adalah untuk memastikan jenis disleksia yang ada kaitannya dengan aspek bacaan. Ujian ini dilakukan pada setiap pelajar yang terlibat. Masalah yang dihadapi oleh keempat-empat subjek kajian ini ialah masalah pengamatan visual terhadap lambang-lambang huruf perkataan, kelemahan dalam sebutan perbendaharaan kata, menghadapi masalah pengamatan auditori, iaitu apa yang didengar tidak dapat diulang sebut dengan tepat.

### **SUBJEK A**

Dalam pembacaan, subjek boleh membaca tetapi memerlukan perhatian. Tumpuan yang diberikan subjek ketika membaca sangat kurang. Kelancaran pembacaan subjek tertumpu pada dua suku kata sahaja. Subjek sukar menyebut perkataan lebih dua suku kata. Misalnya, *saya* (boleh dibaca) dan *sukarela* (sukar dibaca). Dalam pembacaan perkataan dua suku kata, subjek tidak dapat membezakan dua sebutan perkataan yang berlainan fonem. Misalnya *beca* dibaca sebagai *baca*. Hal ini berlaku kerana subjek tidak begitu biasa dengan sebutan e pepet dan kebiasaannya diganti dengan /a/. Dari aspek makna, subjek ketahui perbezaan *baca* dan *beca* tetapi gagal membezakan fonem kedua perkataan dengan betul.

Analisis berdasarkan mekanisme kesalahan bacaan Teori Levinson, subjek melakukan pengguguran, pengantian dan agakan/suka-suka dalam pembacaan. Kesalahan pengantian dan pengguguran berlaku pada peringkat perkataan sahaja manakala agakan dibuat tidak mengganggu struktur ayat secara keseluruhan. Kesalahan pada pengguguran berlaku pada kata ganda dan apabila subjek diminta mengulang pembacaan.

Dari segi sebutan kata ganda, subjek sering menggugurkan satu kata dari kata ganda tersebut. Misalnya *kura-kura* disebut *kura* sahaja dan *gula-gula* disebut *gula* sahaja. Sepanjang ujian pembacaan dijalankan ke atas subjek, semua perkataan kata ganda tidak dibaca dengan betul. Pengguguran ini dibuat dalam satu perkataan menyebabkan makna perkataan itu tidak betul dan berubah.

Seperti sindrom membaca disleksia yang lain, subjek juga keliru ketika membezakan dua huruf yang berlainan tetapi sama bentuk seperti 'I' dan 'l'. Misalnya, perkataan 'lebih' disebut 'iebih' tidak mempunyai makna dalam bahasa Melayu. Contoh lain, 'lemas' disebut /i/emas, 'lebah' disebut /i/ebah, 'lelaki' disebut /i/elaki, 'letak' disebut /i/etak dan 'lemah' disebut /i/emah. Hal ini terjadi kerana huruf 'l' nampak seperti 'I'. Subjek telah melakukan pengantian huruf ketika membaca.

Kesalahan sebutan ini menunjukkan pengantian yang dilakukan oleh subjek jika membaca perkataan yang bermula dengan huruf 'l'. Secara tidak langsung, subjek telah membunyikan fonem tersebut maksud dan makna perkataan tersebut telah berubah. Sepanjang kajian, subjek hanya melakukan pengantian huruf sahaja kerana mungkin subjek terkeliru dengan bentuk huruf yang seakan-akan huruf yang dibaca oleh subjek. Dua huruf tersebut ialah e pepet dan 'l'.

Terdapat beberapa perkataan yang dibaca berdasarkan agakkan tanpa subjek memikirkan maksudnya. Perkataan seperti *lampu* disebut *lembu*, *merdeka* disebut *mereka*, *gelanggang* disebut *gelang*, dan *pandai* disebut *panda*.

Berdasarkan kesalahan sebutan ini pula, pengkaji tidak menganggap disleksia subjek disebabkan penglihatan subjek kabur tetapi sebaliknya. Sepanjang diagnosis, subjek tidak banyak melakukan kesalahan ejaan tetapi sebilangan kecil perkataan salah yang disebut secara spontan mempunyai makna tersendiri. Pengkaji percaya subjek malas menyebut perkataan yang banyak suku kata dan membaca berdasarkan agakkan. Selepas pengkaji menyuruh subjek mengulangi kesalahan, subjek menyebut perbarisan dengan betul tanpa ada kesalahan ejaan. Begitu juga dengan perkataan *gelanggang*. Subjek menyebut *gelang* sahaja kerana perkataan *gelanggang* terlalu panjang. Pengkaji tidak boleh menganalisis data ini sebagai pengguguran kerana subjek dapat membaca perkataan itu kembali apabila disuruh.

Pengkaji menguji kemudiannya menguji penulisan subjek dengan meniru ayat yang diberi. Ujian tulisan ini bukan untuk menafikan objektif kajian tetapi untuk melihat bagaimana subjek memahami pembacaan beliau selama diagnosis. Keputusan yang diberi subjek seperti yang dijangka oleh pengkaji kerana subjek dapat meniru dengan baik. Kemudian, pengkaji meminta subjek menulis kembali ayat tersebut tetapi ayat tersebut dibaca oleh pengkaji. Keputusan dari ujian ini menunjukkan subjek tidak boleh membezakan bunyi sebutan dengan tulisan. Perkataan *seekor* dibaca, subjek menulis *seeakor* dan *warna* ditulis *wanar*. Walau bagaimanapun, subjek tetap mampu membaca walaupun tidak sefasih kanak-kanak normal.

## SUBJEK B

Subjek B, Maisarah Fatima binti Izwan yang menghidap disleksia ini, menunjukkan tanda tidak dapat mengingat huruf dengan perkataan, sama ada visual atau fonetik. Subjek ini cuba mengingat bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan berulang kali kerana mereka mudah lupa. Contoh ketidakseimbangan daya mengingat huruf dengan perkataan secara visual atau fonetik jelas bagi huruf *a* dan *u*, huruf *m* dan *n* serta huruf *h* dan *l*. Contoh perkataan yang dibaca adalah *majlis* kepada *mujulis*, *awam* kepada *awan*, dan *hari* kepada *lari*.

Semasa pelajar disleksia sedang membaca, berlaku penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf. Mata subjek disleksia tidak dapat mengimbas huruf, kata, dan ayat yang berlainan. Oleh sebab mata sukar mengimbas bahan bacaan, maka huruf, kata dan ayat dilangkau- langkau. Hal ini menyebabkan tumpuan dan pemahaman yang lemah terhadap bacaan. Contohnya adalah seperti berikut :

Ayat yang sebenar : Undangan ke majlis hari lahir.

Ayat yang dibaca : Undangan ke mujulis lahir.

Subjek dilihat telah melangkau perkataan 'hari'.

Apabila pengkaji meminta subjek untuk menulis tentang hobinya yang suka memelihara kucing, pelbagai kesalahan dapat dikesan, antaranya adalah :

- i) Comel adalah nama kucingnya tetapi yang dieja adalah 'come'
- ii) Putih hitam adalah nama kucing kakaknya tetapi yang dieja adalah ' puteh itam'
- iii) Bermain dieja dengan 'berma'
- iv) Sofa dieja dengan 'sopha'
- v) Dia dieja dengan 'biye'
- vi) Dan dieja 'ban'
- vii) Pusing-pusing dieja 'puseng-puseng'

Rumusannya, melalui teks pembacaan yang telah diberikan, pengkaji dapat membuat rumusan berdasarkan mekanisme Teori Levinson (1994) yang telah digunakan dalam kajian ini. Kesalahan –kesalahan yang dilakukan oleh subjek berdasarkan mekanisme yang terhasil sewaktu murid disleksia membaca ayat “ *the cat jump over the moon.*”. Pengkaji telah dapat memahami dan menalisis data bacaan subjek B akibat kegagalan mengesan huruf, perkataan akibat melihat susunan perkataan dalam ayat berterabur. Keadaan ini menyebabkan penguguran huruf, perkataan dan ayat daripada kedudukan asal. Seringkali huruf diganti dan segmen dibawa ketempat yang baru. Subjek B telah melakukan pelbagai kesalahan ketika membaca dengan membuat penguguran kat pada petikan yang dibaca.

## SUBJEK C

Subjek C merupakan murid lelaki tahun tiga yang berumur 9 tahun. Subjek hanya dikenali sebagai Amir. Subjek merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik. Pekerjaan kedua-dua ibu bapa subjek ialah peniaga. Manakala bahasa pengantar yang digunakan di rumah ialah bahasa Melayu. Subjek telah diberi ujian membaca dan menulis melalui ujian diagnostik.

Hasil daripada ujian diagnostik ini, penyelidik dapat mengesan kesalahan-kesalahan ejaan yang sering dilakukan oleh subjek. Antaranya ialah melalui sebutan bunyi huruf. Subjek gagal untuk membunyikan huruf “e” pepet dan “e” taling dengan betul. Menurut Teori Levinson 1994, kesalahan bacaan ini dikaitkan dengan kesalahan dari segi penggantian, iaitu menggantikan huruf pada sesuatu perkataan. Contohnya:

- i. bunyi huruf “e” pada perkataan “geng” disebut sebagai “gëng”
- ii. bunyi “sedang” disebut “sëdang”

Berdasarkan kesalahan perkataan “geng”, subjek kajian tidak dapat melafazkan sebutan ‘e’ taling dengan betul. Sebutan ‘e’ taling ini telah digantikan dengan ‘e’ pepet, iaitu perkataan ‘geng’ ini telah disebut sebagai ‘geng’. Manakala bagi kesalahan pada contoh yang kedua pula, subjek kajian tidak dapat melafazkan sebutan ‘e’ pepet dengan betul. Sebutan ‘e’ pepet telah digantikan dengan ‘e’ taling. Contohnya pada perkataan ‘sedang’ disebut sebagai ‘sedang’.

Pada ujian bacaan petikan pula, responden kerap kali lambat untuk mengucapkan pada perkataan yang mempunyai partikel “-lah”. Contohnya, “lihatlah”, “terpaksalah” dan “ingatlah”. Kesalahan bacaan juga terdapat dalam mekanisme kesalahan bahasa oleh Teori Levinson. Ini telah melibatkan kecelaruan pandang subjek kajian dan juga penglihatan iaitu kesukaran dalam membatangkan sesuatu perkataan.

Malahan ketika menulis nama huruf yang seakan-akan sama bentuknya seperti huruf “b”, “d”, “p”, “u”, “o” dan “w”, boleh dikatakan kesemua responden keliru dengan bunyi-bunyi huruf tersebut. Kelemahan tulisan yang dapat dikesan daripada subjek kajian C ini ialah telah berlakunya pembalikan lambang huruf iaitu melibatkan masalah visual. Terdapat huruf yang dibaca terbalik oleh subjek kajian ini iaitu ‘b’ dengan ‘d’ dan ‘u’ dengan ‘o’. Antara contoh kesalahan yang dilakukan oleh subjek C ialah; perkataan “menabung” ditulis sebagai “menadong”, “tujuh” ditulis “tujoh”, “sepuluh” ditulis “sepuloh” dan “wang” ditulis “yang”.

Selain itu, Subjek C juga melakukan kesalahan dengan meninggalkan huruf pada ejaan. Contohnya pada perkataan “sembilan” ditulis “semilan” dengan meninggalkan huruf “b” pada perkataan tersebut. Ini ada kaitannya dengan kesalahan penguguran huruf pada sesuatu perkataan bersamaan dengan kesalahan bacaan yang terdapat di dalam Teori Levinson.

Akhir sekali, penyelidik telah menganalisis buku bacaan dan kerja responden. Penyelidik mendapati bahawa subjek kerap kali melakukan kesalahan pada perkataan yang melibatkan huruf “e”. Contohnya;

- i. perkataan “ikan goreng” yang ditulis “ikan goring”
- ii. perkataan “nasi goreng” juga ditulis “nasi goring”

Daripada pemerhatian tersebut, penyelidik mendapati bahawa subjek kerap kali menukar huruf “e” dengan “i” pada setiap perkataan yang melibatkan huruf “e” pada ayat. Ini adalah disebabkan bahawa subjek C telah melakukan penggantian huruf lain dalam tulisan bahan bacaan. Ini juga ada kaitannya dengan masalah pengamatan visual oleh subjek berkenaan.

Secara rumusannya, dapatlah disimpulkan bahawa melalui hasil ujian diagnostik yang dijalankan dan mendapati bahawa subjek C ini mempunyai ciri-ciri disleksia menurut Teori Levinson 1994. Antaranya termasuklah subjek kerap membuat kesalahan huruf seperti pembalikan huruf, penggantian huruf, masalah pengamatan, masalah pembalikan, mempunyai daya ingatan yang lemah, mempunyai pengetahuan kosa kata yang sedikit dan sebutan serta pertuturan subjek juga tidak teratur dan jelas.

### **SUBJEK D**

Subjek D merupakan seorang pelajar berketurunan Cina yang telah dikelaskan sebagai pelajar yang mengalami masalah disleksia. Subjek ini tinggal di kawasan bandar iaitu Taman Sungai Besi dan merupakan anak ke dua daripada dua adik beradik. Pekerjaan ibu bapa subjek ini tidak dinyatakan dengan jelas, walau bagaimanapun subjek menyatakan ibu bapanya berkerja sendiri.

Berdasarkan ujian diagnostik yang dilakukan mendapati subjek telah melakukan beberapa kesalahan. Pengkaji telah memberikan sebuah teks cerita pendek iaitu bertajuk “Belalang yang Degil” untuk menguji aspek bacaan. Subjek ini dikehendaki membaca dengan jelas dan bacaannya juga turut dirakam. Hal ini bertujuan untuk membolehkan pengkaji mengesan kesalahan dari aspek bacaan iaitu sebutan subjek ini.

Subjek dikesan tidak banyak melakukan kesalahan bacaannya. Hanya terdapat beberapa perkataan yang telah dikenalpasti menimbulkan kekeliruan terhadap subjek ini. Perkataan ‘Ia’ telah dibaca sebagai ‘la’. Subjek ini tidak dapat membezakan vokal ‘i’ yang ditulis dengan huruf besar dengan konsonan ‘i’ yang ditulis dalam huruf kecil. Subjek telah melakukan pembalikan lambang huruf. Seterusnya pelajar ini juga telah melakukan pembalikan lambang huruf pada ‘p’ dengan ‘b’ dalam perkataan ‘tiap-tiap’ iaitu dengan membaca perkataan tersebut sebagai ‘tiba-tiba’. Pada perkataan ini dapat juga diperhatikan bahawa subjek ini telah melakukan pembalikan pada kedudukan huruf vokal ‘a’ dengan huruf konsonan yang mengikutinya iaitu pada suku kata akhir kata berkenaan. Subjek ini juga telah melakukan agakan atau suka-suka iaitu dengan menggandakan perkataan yang bukan kata ganda dalam teks berkenaan. Keadaan ini dapat dilihat pada perkataan ‘rakannya’ disebut sebagai ‘rakan-rakannya’. Subjek D juga telah melakukan penggantian huruf lain pada perkataan ‘taman’ menjadi ‘tamam’, iaitu penggantian huruf n kepada m.

Setelah itu, pengkaji mengedarkan beberapa soalan berkenaan cerita ‘Belalang yang Degil’ untuk tujuan menguji kefahaman atau daya tumpuan subjek terhadap teks berkenaan.

Subjek dapat menjawab kesemua lima soalan yang telah dikemukakan itu. Subjek juga dapat meniru perkataan iaitu dengan menulis semula perkataan yang terdapat dalam teks cerita tersebut dengan tiada sebarang kesalahan. Pengkaji juga kemudian telah menyebut beberapa perkataan yang terdapat dalam teks dan memerlukan subjek menulis tanpa merujuk pada teks. Subjek ini didapati dapat menulisnya dengan baik dan jelas.

Penyelidik juga seterusnya mengajukan beberapa perkataan yang mengandungi beberapa suku kata kepada subjek. Hasil dari pemerhatian mendapati subjek berkenaan dapat menyebut dengan betul kebanyakan perkataan itu, hanya beberapa perkataan sahaja yang gagal disebut dengan tepat dan jelas. Perkataan-perkataan itu ialah ‘bank’ dengan menyebutnya sebagai ‘beng’, perkataan ‘bukan’ dengan menyebutnya sebagai ‘bukam’, dan perkataan ‘makan’, dengan menyebutnya sebagai ‘makam’. Oleh itu, dalam keadaan ini didapati subjek melakukan pengantian huruf lain terhadap perkataan ‘bukan’ menjadi ‘bukam’ dan ‘makan’ menjadi ‘makam’. Pengantian huruf yang dilakukan ialah huruf n diganti dengan huruf m. Subjek juga telah melakukan agakkan untuk perkataan ‘bank’ yang disebut sebagai ‘beng’.

Pengkaji seterusnya mengkehendaki subjek menulis dengan menyenaraikan nama ketujuh-tujuh hari dalam seminggu, nama-nama bulan dalam setahun, hobinya pada waktu lapang, makanan kegemarannya, minuman kegemarannya dan haiwan kesukannya. Subjek dapat menyenaraikan nama ketujuh-tujuh hari dalam seminggu dengan ejaan yang betul. Manakala, dia gagal menyenaraikan kesemua nama bulan dalam setahun dengan alasan lupa. Malahan nama bulan yang telah disenaraikan olehnya dieja dengan salah iaitu ‘April’ dieja ‘Apirl’, ‘Julai’ dieja ‘Jully’ dan ‘Mei’ dieja ‘May’. Pada perkataan ‘April’ subjek ini telah melakukan pembalikan kedudukan huruf antara huruf /r/ dengan huruf /i/. Pada perkataan bulan Julai dan Mei berlakunya pengaruh bahasa Inggeris. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor persekitarannya yang lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perbualannya seharian.

Ujian yang terakhir ialah penyelidik menggunakan kad bergambar yang ditunjukkan kepada subjek berkenaan. Subjek dikehendaki menyebut dengan jelas imej yang terdapat dalam kad berkenaan. Hasil ujiannya, kebanyakan imej tersebut dapat disebut dengan betul. Hanya beberapa kata ganda sahaja yang tidak disebut dengan betul oleh subjek iaitu perkataan ‘gula-gula’ dan ‘kura-kura’. Subjek ini hanya menyebutnya sebagai ‘gula’ dan ‘kura’. Dalam keadaan ini subjek telah melakukan pengguguran pada perkataan atau kata ganda tersebut. Pada sesetengah imej, subjek menggunakan perkataan dari bahasa Inggeris iaitu pada imej kelawar, serigala, pemandu dan gambar seseorang yang sedang melukis..

Pada keseluruhannya melalui ujian diagnostik yang telah dijalankan subjek D mempunyai ciri-ciri disleksia seperti yang dinyatakan dalam Teori Levinson 1994 dalam pembacaannya. Antaranya termasuklah subjek kerap melakukan penggantian huruf lain, pembalikan lambang huruf, pembalikan kedudukan huruf, pengguguran, penambahan,

agakkan atau suka-suka, dan masalah kurang pengamatan. Selain itu, penguasaan bahasa Melayunya juga banyak mengalami pengaruh dan gangguan dari bahasa Inggeris iaitu sebagai bahasa keduanya dan bahasa komunikasinya.

**Rumusan**

Hasil daripada ujian diagnostik melalui pembacaan yang telah dijalankan mendapati bahawa subjek-subjek dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri disleksia. Dapatan kajian daripada empat orang subjek menunjukkan bahawa memang terdapat mereka mengalami disleksia. Mereka telah membuat kesalahan huruf mengikut apa yang terkandung dalam Teori Levinson. Antaranya ialah pembalikan huruf, penambahan huruf, penyisipan huruf, penggantian huruf, pemeluwapan huruf, pemindahan huruf, pengguguran huruf, agakan atau suka-suka dan pembalikan huruf.

Berikut merupakan antara kesalahan bacaan yang mereka lakukan menurut Teori Levinson 1994:

KESALAHAN BACAAN	SUBJEK A	SUBJEK B	SUBJEK C	SUBJEK D
Pengguguran	/	/	/	/
Penyisipan				
Pemindahan				
Penggantian	/	/	/	/
Agakan/ suka-suka	/	/		/
Pembalikan lambang huruf		/	/	/
Pembalikan kedudukan huruf				/
Pemeluwapan				
Penambahan	/			/

Walau bagaimanapun subjek-subjek dalam kajian ini mempunyai tahap kecerdasan mental yang normal. Hal ini terbukti bahawa kesemua subjek kajian ini turut mengalami pertumbuhan fizikal yang normal baik subjek lelaki mahupun subjek perempuan. Bezanya mereka dengan pelajar-pelajar yang normal ialah mereka mengalami masalah membaca yang disebabkan oleh disleksia.

**VII. KESIMPULAN**

Kajian ini mencapai objektif 1 dan 2. Berdasarkan latar belakang keluarga subjek, mereka datang dari keluarga biasa yang sedar akan sindrom disleksia. Akan tetapi, kesemua subjek tidak dapat menjelaskan latar belakang keluarga mereka secara terperinci. Jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang seusia mereka, dalam waktu umur 9 tahun, mereka sudah mengetahui pekerjaan ibubapa mereka setidak-tidaknya dapat memberi gambaran pekerjaan ibubapa mereka.

Aspek pembacaan subjek menunjukkan paras kelemahan seperti yang ditunjukkan dalam teori Levinson. Sepanjang kajian, subjek diajar untuk membaca dengan betul. Walaupun subjek dapat membaiki kesalahan yang dibuat

(selepas pengkaji meminta subjek mengulang semula bacaan) kesalahan yang sama tetap dilakukan secara tidak sedar.

Pengkaji mendapati kaedah diagnosis yang diguna oleh pihak sekolah sedikit sebanyak membantu pembelajaran kanak-kanak disleksia. Namun begitu, penekanan terhadap aspek pembelajaran dalam kelas sahaja tidak akan membantu pelajar ini cemerlang dalam akademik kerana mereka sudah jauh ketinggalan berbanding kanak-kanak normal. Sistem pendidikan khas harus mengubah cara pengajaran dengan menumpukan kemahiran lain supaya kanak-kanak ini dapat meneruskan kehidupan seperti kanak-kanak lain. Contoh terbaik untuk penderita disleksia yang berjaya adalah Jamie Oliver. Beliau merupakan seorang tukang masak terkenal di Britain dan telah menulis banyak buku mengenai masakan. Hakikatnya, beliau adalah penderita disleksia sehingga kini. Tokoh seperti beliau wajar dicontohi kerana hanya dengan kemahiran memasak, beliau dapat mencipta nama di persada antarabangsa.

**BIBLIOGRAFI**

- 1) Doyle, J. (1996). *Dyslexia: An Introductory Guide*. London: Whurr.
- 2) Levinson, H.N. (1994). *A solution to the Riddle Dyslexia*. New York: Springer- Verlag.
- 3) Snowling, M.J (2000). *Dyslexia 2nd edition*. Oxford: Blackwell.
- 4) Newton, J.M., & Thomson, M. (1974). *Dyslexia A Guide For Teachers and Parents*. London: University Press.
- 5) Newton, J.M., & Thomson, E.M., & Richards, L.I. (1979). *Reading in Dyslexia*. England : Bamrose UK Limited.
- 6) Noor Aina Dani. (2006) *Pengantar Psikolinguistik*. Petaling Jaya : Sasbadi Sdn. Bhd.
- 7) [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2003&dt=1007&pub=DuniaPendidikan&sec=Berita&pg=be\\_02.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2003&dt=1007&pub=DuniaPendidikan&sec=Berita&pg=be_02.htm), *Masalah pembelajaran - Membetulkan tanggapan masyarakat, ibu bapa*. Diakses pada 15 Ogos 2010 12.13pm.